



28 NOV, 2025

TNB catat kerugian RM5.14b

Harian Metro, Malaysia



TNB catat kerugian RM5.14b

Akibat penggunaan bekalan elektrik secara haram untuk melombong kripto, bitcoin

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengalami kerugian RM5.14 bilion dari 2020 hingga sekarang akibat penggunaan bekalan elektrik secara haram di premis yang menjalankan aktiviti melombong mata wang kripto dan bitcoin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof,

kerugian itu dikenal pasti hasil serbuan ke atas 14,489 premis diperiksa melalui 91 operasi dan 77 kertas siasatan dibuka.

"TNB memantau penggunaan elektrik luar biasa, gangguan pada meter dan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Cyber Security Malaysia.

"TNB juga merintis penggunaan meter di pencawang untuk mengesan kebocoran bekalan elektrik," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat

semalam.

Beliau menjawab soalan **Lim Lip Eng (PH-Kepong)** mengenai jumlah kerugian TNB akibat kecurian elektrik serta jaminan pemilik tidak dipertanggungjawabkan atas bil atau hutang terhasil.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, sejak pengenalan sistem biometrik dan pengetatan prosedur, kes pemalsuan identiti telah menurun secara ketara.

"Sebelum ini pada 2021 terdapat 92 kes, 2022 (49 kes) dan 2023 (26 kes) dan selepas pengenalan sistem biometrik hanya terdapat tiga kes," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak mempertanggungjawabkan pemilik premis menanggung bil tertunggak atau hutang yang terhasil daripada pemalsuan identiti.

"Jaminan itu diberikan jika terbukti pemilik akaun tidak terbabat dalam pemalsuan identiti atau akaun dipalsukan pihak ketiga," katanya.

"TNB juga merintis penggunaan meter di pencawang untuk mengesan kebocoran"
Fadillah